Rosalinda bt Abu Bakar & Ors lwn Telekom Malaysia Bhd

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 12A NCVC-01–01 TAHUN 2013
ABDUL KARIM PK
16 OKTOBER 2013

Prosedur Sivil — Penghakiman terus — Isu yang seharusnya dibicarakan — Rayuan terhadap perintah penghakiman terus — Tuntutan pelanggaran kontrak biasiswa — Sama ada skop dan makna fasal perjanjian jelas — Sama ada tiada isu yang seharusnya dibicarakan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A

Defendan/perayu pertama ialah pemegang biasiswa plaintif/responden di bawah satu perjanjian biasiswa bagi pengajian di Universiti Loughbrough, United Kingdom, dalam bidang kejuruteraan elektronik dan elektrikal. Manakala defendan/perayu kedua dan defendan /perayu ketiga ialah penjamin-penjamin kepada defendan pertama. Antara terma-terma perjanjian biasiswa tersebut ialah Fasal 1(f) dan Fasal 7(d). Defendan pertama telah menjalani dan berjaya menamatkan pengajiannya. Sekembalinya di Malaysia, defendan pertama telah ditawarkan dan telah menerima untuk berkhidmat sebagai penolong pensyarah di Universiti Telekom Sdn Bhd ('UTSB'). UTSB merupakan anak syarikat plaintif dan merupakan salah sebuah syarikat dalam kumpulan syarikat plaintif. Permintaan defendan pertama untuk berkhidmat dengan plaintif telah ditolak. Tidak berpuas hati, defendan pertama telah meletak jawatan sebagai penolong pensyarah di UTSB setelah berkhidmat selama lebih kurang 57.7 bulan. Maka plaintif telah membawa tindakan ini untuk menuntut jumlah RM71,452.35 bagi kemungkiran perjanjian biasiswa tersebut. Hakim mahkamah sesyen telah membenarkan permohonan plaintif untuk penghakiman terus di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('Kaedah-Kaedah'). Defendan-defendan telah merayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Isu-isu yang ditimbulkan oleh peguam defendan yang terpelajar tidak terjumlah kepada isu atau hal perkara yang seharusnya dibicarakan. Isu yang paling utama di sini melibatkan skop dan makna fasal 1(f) dan (d) perjanjian biasiswa yang dilaksanakan antara mereka. Fasal-fasal tersebut adalah jelas. Fasal 1(f) menghendaki defendan pertama menerima apa jua tawaran jawatan oleh plaintif dan tiada di mana-mana dalam perjanjian tersebut yang membataskan tawaran jawatan itu hanya di syarikat plaintif sahaja. Plaintif boleh menghendaki defendan pertama

berkhidmat dengan syarikat plaintif atau plaintif boleh juga menghendaki defendan pertama berkhidmat di mana-mana perjawatan termasuk di luar syarikat plaintif (lihat perenggan 8–9).

(2) Plaintif telah mematuhi kehendak-kehendak A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan hakim mahkamah sesyen telah membuat keputusan yang betul (lihat perenggan 12).

[Bahasa Malaysia summary

The defendant/first appellant was a holder of the plaintiff/respondent's scholarship under a scholarship agreement for studies at Loughborough University, United Kingdom, in the field of electronic and electrical engineering. Meanwhile, the second defendant/second appellant and the third defendant/third appellant were the guarantors of the first defendant. Among the terms of the agreement of the scholarship was cll 1(f) and 7(d). The first defendant had undergone and succeeded in completing her studies. Upon her return to Malaysia, the first defendant was offered and had accepted to serve as an assistant lecturer at Universiti Telekom Sdn Bhd ('UTSB'). UTSB was the subsidiary of the plaintiff and was one of the companies under the plaintiff's group of companies. The first defendant's request to serve with the plaintiff was dismissed. Dissatisfied, the first defendant resigned as an assistant lecturer at UTSB after serving for approximately 57.7 months. Hence, the plaintiff initiated this action to claim for the sum of RM71,452.35 for breach of the said scholarship agreement. The sessions court judge allowed the plaintiff's application for summary judgment under O 26A of the Subordinate Courts Rules 1980 ('SCR'). The defendants appealed against the said decision.

Held, dismissing appeal with costs:

(1) The issues raised by the defendant's counsel did not tantamount to issues or circumstances which were supposed to be tried. The main issue here involved the scope and meaning of cll 1(f) and (d) of the scholarship agreement which was executed between them. The clauses were clear. Clause 1(f) required the first defendant to accept whatever position offered by the plaintiff and there was nowhere in the agreement that limited the offer of the position to only the plaintiff's company only. The plaintiff required the first defendant to serve with the plaintiff's company or the plaintiff could also require the first defendant to serve under position including outside the plaintiff's company (see paras 8–9).

(2) The plaintiff had complied with the requirements of O 26A of the SCR and the sessions court judge had made the correct decision (see para 12).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Aziz bin Atan & 87 Ors v Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd [1985] 2 MLJ 165 (dirujuk)

Abdul Rahim Abdul Hamid & Ors v Perdana Merchant Bankers Bhd & Ors [2000] 2 MLJ 417; [2000] 2 CLJ 457, MR (dirujuk)

Amanah Merchant Bank v Lim Tow Seng & Ors [1993] 2 MLJ 241; [1993] 2 CLJ 635, MT (dirujuk)

Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe & Anor and other appeals [2009] 6 MLJ 839, MR (diikut)

Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400, MA (diikut)

Bousted Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd [1995] 3 MLJ 331, MP (dirujuk)

Kedah Cement Sdn Bhd lawan Masjaya Trading Sdn Bhd [2007] 3 MLJ 597, MP (dirujuk)

South East Asia Insurance Bhd v Kerajaan Malaysia [1998] 1 CLJ 1045, MR (dirujuk)

TAC Construction & Trading v Bennes Engineering Bhd [1999] 2 CLJ 117, MT (dirujuk)

Teh Poh Wah v Seremban Securities Sdn Bhd [1996] 1 MLJ 701, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A

Mohd Lusfi (Srihana Mohamad & Partners) bagi pihak perayu.
Yaackub Mat (Yaackub Mat & Associates) bagi pihak responden.

Abdul Karim PK:

[1] Ini ialah rayuan oleh perayu-perayu (defendan) terhadap keputusan puan hakim mahkamah sesyen bertarikh 14 September 2012 yang telah membenarkan tuntutan responden (plaintif) untuk memperoleh penghakiman terus ke atas defendan di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Penghakiman tersebut melibatkan perintah pembayaran tuntutan baki bagi kemungkiran perjanjian/kontrak biasiswa berjumlah RM71,452.35 yang dikatakan telah dimungkiri oleh defendan.

[2] Setelah dibicarakan, pada 3 April 2013 saya telah memutuskan bahawa tiada isu-isu atau hal perkara yang harus dibicarakan secara perbicaraan penuh ke atas tuntutan plaintif. Susulan daripada itu rayuan ini telah ditolak dengan kos. Defendan telah tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan kini merayu ke Mahkamah Rayuan. Berikut merupakan alasan berkenaan dengan

penolakan rayuan ini.

FAKTA LATAR BELAKANG

[3] Secara ringkas, fakta kes kepada rayuan ini antara lain menunjukkan:

(a) plaintif ialah sebuah syarikat berhad dan beralamat penyampaian di Telekom Malaysia, Menara TM, Jalan Pantai Baru, 50672 Kuala Lumpur;

(b) plaintif mempunyai beberapa *'serviceco'* yang antaranya ialah Universiti Telekom Sdn Bhd ('Universiti Multimedia'), dahulunya dikenali sebagai Unitel (ms 49, rekod rayuan);

(c) defendan pertama ialah pemegang biasiswa plaintif bagi pengajian di Universiti Loughbrough, United Kingdom, dalam bidang kejuruteraan elektronik dan elektrikal. Manakala defendan kedua dan defendan ketiga ialah penjamin-penjamin kepada defendan pertama;

(d) pada 16 September 1996 plaintif telah menandatangani satu perjanjian biasiswa dengan defendan untuk membiayai pengajian defendan pertama di Universiti Loughbrough, United Kingdom tersebut. Antara terma-terma perjanjian biasiswa tersebut ialah fasal 1(f) dan fasal 7(d) – (ms 39, rekod rayuan);

(e) atas tajaan tersebut, defendan pertama telah menjalani pengajian di Universiti Loughbrough, United Kingdom dari 1996 sehingga berjaya menamatkan pengajiannya dengan diberikan ijazah *'Bachelor of Engineering, Second Class Honours, Upper Division'* dalam Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal pada tahun 1998;

(f) sekembalinya di Malaysia, defendan pertama melalui surat bertarikh 5 Ogos 1998 telah ditawarkan dan telah pada 15 Oktober 1998 menerima untuk berkhidmat sebagai penolong pensyarah (A1) di Universiti Telekom Sdn Bhd ('UTSB'), (juga dikenali sebagai Universiti Multimedia). UTSB merupakan anak syarikat plaintif (diakui dalam penegasan 10, penyata pembelaan, ms 14, rekod rayuan) dan merupakan salah sebuah syarikat dalam kumpulan syarikat plaintif. Syarat 18 kepada tawaran tersebut menyatakan:

> TRANSFER/SECONDMENT You must be prepared to be transferred seconded or assigned to any subsidiary or associate company of UTSB or Telekom Malaysia Berhad, or to any other institution of higher learning in which UTSB or Telekom Malaysia Berhad has an interest whether direct or indirect, to meet the exigencies of our service.

(g) bagaimanapun defendan pertama ingin berkhidmat dengan plaintif. Beberapa surat telah dihantar oleh defendan pertama antaranya surat

bertarikh 31 Mac 1999, 5 Ogos 1999, dan 7 Disember 1999, (lihat ms 104–108, rekod rayuan) agar dapat diserapkan atau diterima khidmat dalam syarikat plaintif. Beberapa perjumpaan telah juga diadakan bagi tujuan tersebut (exhibit MHMZ1, ms 129, rekod rayuan). Dalam perjumpaan dengan En Mustapha Md Nasir, pengurus besar plaintif, pada 9 Februari 2000, defendan pertama telah dimaklumkan secara lisan bahawa permohonannya tidak dapat dipertimbangkan atas alasan yang dinyatakan (ms 133, rekod rayuan);

(h) tidak berpuas hati dengan perkembangan permohonannya, defendan pertama telah meletak jawatan sebagai penolong pensyarah di UTSB pada Jun 2000 setelah berkhidmat selama lebih kurang 57.7 bulan dan telah menyertai syarikat Maxis Communication Bhd. Bagaimanapun defendan pertama, selepas itu, masih berhubungan dan memohon untuk berkhidmat dengan plaintif tetapi gagal; dan

(i) setelah dimaklumkan tentang perletakan jawatan defendan pertama oleh UTSB, plaintif telah menghantar beberapa surat tuntutan menuntut jumlah RM71,452.35 setelah mengambil kira tempoh perkhidmatan defendan pertama di UTSB selama 57.7 bulan daripada tempoh sepuluh tahun dan memberi pengurangan sebanyak RM66,176.57 (daripada jumlah pembiayaan penuh yang sepatutnya sebanyak RM137,628.92). defendan pertama menafikan dan enggan mematuhi tuntutan tersebut.

PRINSIP PERUNDANGAN PENGHAKIMAN RINGKAS A 26A KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1980

[4] Prinsip yang mengawal permohonan untuk penghakiman terus di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (sebelum Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) kini adalah mantap. Dalam kes *Abdul Rahim Abdul Hamid & Ors v Perdana Merchant Bankers Bhd & Ors* [2000] 2 MLJ 417; [2000] 2 CLJ 457, YA Mohktar Sidin HMR memutuskan:

> In a nutshell, in an application under O 14 made by the plaintiff for summary judgment without trial, the general principles established are that the plaintiff has to satisfy the court that the defendant plainly and obviously has no defence to the plaintiff's claim or part of the plaintiff's claim. If the plaintiff is able to satisfy the court, then summary judgement should be entered in the plaintiff's favour. On the otherhand, if the defendant can show that there is a serious conflict of material facts as disclosed in the opposing affidavits, or there is otherwise a triable issue worthy of judicial investigation in the trial of the action, or there is an important and difficult point of law requiring further and mature consideration at the trial, summary judgement should be refused.

Begitu juga dalam kes *South East Asia Insurance Bhd v Kerajaan Malaysia* [1998] 1 CLJ 1045 (MR) diputuskan:

> It is well settled that if a defendant in an O 14 application succeeds in raising even a single triable issue, it will not be a fit and proper case to order summary judgement. It is only in plain and obvious cases where there are no issues to be tried should recourse be had to O 14.

(lihat juga *TAC Construction & Trading v Bennes Engineering Bhd* [1999] 2 CLJ 117; dan, *Amanah Merchant Bank v Lim Tow Seng & Ors* [1993] 2 MLJ 241; [1993] 2 CLJ 635.

ISU UNTUK DITENTUKAN DAN PENGHUJAHAN PIHAK-PIHAK

[5] Berdasarkan kepada nas-nas autoriti di atas, isu utama dalam rayuan ini ialah sama ada defendan telah berjaya, melalui pliding dan afidavit yang difailkan, membangkitkan apa-apa isu ataupun hal perkara yang seharusnya dibicarakan?

[6] Peguam defendan yang terpelajar menghujahkan bahawa kes plaintif tidak jelas dan terdapat banyak isu fakta dan undang-undang yang seharusnya dibicarakan. Isu-isu tersebut telah diringkaskan dalam penghujahan balas peguam (kandungan 8) seperti yang berikut:

(a) plaintif tidak dapat membuktikan bahawa kemungkiran kontrak telah diakibatkan oleh defendan dan juga tiadanya pecahan fasal 1(f), perjanjian biasiswa, oleh defendan;

(b) plaintif tidak dapat membuktikan bahawa ada pihak lain terlibat menandatangani perjanjian biasiswa selain plaintif dan defendan;

(c) plaintif tidak dapat menunjukkan bahawa plaintif dan UTSB ialah entiti yang sama;

(d) plaintif tidak dapat menunjukkan bahawa defendan pertama telah berhenti kerja dengan plaintif;

(e) gaji, EPF, SOCSO, perubatan dan cuti semuanya dipohon dan diberikan oleh UTSB dan bukannya plaintif;

(f) hakikat bahawa RAB-5 (rekod rayuan m/s 117) wujud menunjukkan bahawa plaintif tahu perjanjian biasiswa tidak terpakai ke atas defendan pertama yang berkerja untuk UTSB;

(g) plaintif tidak pernah menawarkan pekerjaan kepada defendan pertama;

(h) tiada dalam mana-mana peruntukan dalam perjanjian biasiswa yang menunjukkan bahawa tawaran kerja daripada anak syarikat dianggap seperti tawaran daripada plaintif sendiri;

(i) tiada dalam peruntukan menunjukkan bahawa perjanjian biasiswa terpakai juga ke atas semua anak syarikat. A

(j) mahkamah tidak boleh menulis semula perjanjian yang telah dimaktubkan antara pihak-pihak — kes *Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe & Anor and other appeals* [2009] 6 MLJ 839 dirujuk dan disandari. B

(Penghujahan penuh seperti di kandungan 4 dan 8 dirujuk)

[7] Peguam plaintif yang terpelajar berhujah sebaliknya dan mengatakan kes ini merupakan satu kes yang jelas dan nyata untuk plaintif memasukkan satu penghakiman terus terhadap defendan. Dipertegaskan antara lainnya bahawa: C

(a) defendan terikat dengan terma-terma perjanjian yang jelas terutamanya fasal 1(f.) yang mensyaratkan bahawa defendan pertama dimestikan menerima apa-apa jawatan yang ditawarkan oleh plaintif; D

(b) UTSB ialah salah satu anak syarikat plaintif dan telah dikategorikan sebagai *serviceco* dan diterima oleh defendan pertama seperti dalam eksh MHMZ-3 (ms 49, rekod rayuan) — dirujuk kes *Abdul Aziz bin Atan & 87 Ors v Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd* [1985] 2 MLJ 165; E

(c) hubungan antara UTSB dengan plaintif adalah jelas, difahami dan diterima oleh kedua-dua pihak — kes *Kedah Cement Sdn Bhd lawan Masjaya Trading Sdn Bhd* [2007] 3 MLJ 597 dirujuk; F

(d) ketidaksesuaian jawatan yang ditawarkan tidak terjumlah kepada satu isu yang harus dibicarakan sepertimana diputuskan oleh kes *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400;

(e) daripada perlakuan-perlakuan defendan pertama yang antara lain mengaku dia merupakan bekas pemegang biasiswa plaintif dan ini terjumlah kepada satu pengakuan terhadap liabiliti yang jelas — *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors*; G

(f) defendan pertama ditegah ('estopped') daripada menafikan penerimaan jawatan yang ditawarkan oleh UTSB dan hubung kait antara plaintif dengan UTSB — kes-kes *Teh Poh Wah v Seremban Securities Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 701, *Bousted Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331 dirujuk; H

(g) defendan bertanggungan ke atas pelanggaran fasal 1(f) sepertimana yang diperuntukkan dalam fasal 7(d). Dengan itu isu berkenaan dengan perbezaan antara biasiswa dengan pinjaman tidak timbul. I

A KEPUTUSAN MAHKAMAH DAN ALASAN

[8] Setelah meneliti dan menghayati fakta dan penghujahan di atas, saya berpendapat isu-isu yang ditimbulkan oleh peguam defendan yang terpelajar tidak terjumlah kepada isu atau hal perkara yang seharusnya dibicarakan. Pada pandangan saya, isu yang paling utama di sini melibatkan skop dan makna fasal 1(f) dan (d) perjanjian biasiswa yang dilaksanakan antara mereka. Bagi tujuan itu, fasal-fasal berkenaan haruslah dirujuk. Fasal 1(f) menyebut:

> Bahawa ia, apabila telah menyempurnakan kursus latihan itu dengan jayanya, jika dikehendaki oleh TELEKOM MALAYSIA dalam tempoh enam bulan kalendar, mulai dari tarikh sempurnanya kursus latihan tersebut itu atau dari tarikh ia kembali ke Malaysia selepas sempurnanya kursus latihan itu mengikut mana yang terkemudian, menerima apa-apa jawatan yang ditawarkan oleh TELEKOM MALAYSIA yang sesuai dengan kelayakan yang diperolehi oleh PELAJAR dan terus berkhidmat dalam perkerjaan itu bagi tempoh selama Sepuluh tahun. (Penekanan diberi.)

Fasal 7 (d) pula menyebut:

> Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PELAJAR:-
>
> (d) berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan TELEKOM MALAYSIA dengan melanggar Perjanjian di bawah perenggan (f) Fasal 1 dalam Perjanjian ini dengan *tiada persetujuan* TELEKOM MALAYSIA; atau … (Penekanan diberi)
>
> maka dalam mana-mana hal demikian itu, PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahak mereka, membayar kepada TELEKOM MALAYSIA apabila diminta dalam tempoh enam puluh (60) hari segala perbelanjaan dan ganti rugi yang dibelanjakan dan ditanggung oleh TELEKOM MALAYSIA.

[9] Pada saya fasal-fasal tersebut adalah jelas. Fasal 1(f) menghendaki defendan pertama menerima apa jua tawaran jawatan oleh plaintif dan tiada di mana-mana dalam perjanjian tersebut yang membataskan tawaran jawatan itu hanya di syarikat plaintif sahaja. Plaintif boleh menghendaki defendan pertama berkhidmat dengan syarikat plaintif atau plaintif boleh juga menghendaki defendan pertama berkhidmat di mana-mana perjawatan termasuk di luar syarikat plaintif. Jika perjanjian itu diniatkan untuk dibataskan sedemikian, iaitu dalam syarikat plaintif sahaja, sudah semestinya peruntukan sedemikian akan diadakan dalam perjanjian biasiswa itu.

[10] Takrifan di atas boleh difahamkan atau disiratkan daripada kedudukan syarikat plaintif itu sendiri yang mempunyai beberapa cabang perniagaan dan juga anak-anak syarikat. Ini diperjelaskan lagi daripada tindakan dan perlakuan defendan pertama yang jelas menunjukkan pemahaman dan penerimaannya tentang hakikat tersebut. Dalam surat lapor dirinya pada 20 Julai 1998 (ms 49, rekod rayuan) defendan pertama telah diberi pilihan untuk memilih tempat bertugas iaitu *Corporate Centre, Telco, SERVICECO, dan Newco*. Di bawah kategori *Serviceco* telah dinyatakan *'UNITEL (ie UTSB), Malaysian Logistic, Fleet Management, Malaysian Security, Property Development, Property Operation dan Telekom Training College'*. Harus dicatatkan bahawa defendan tidak pada bila-bila masa mencabar malahan mengakui bahawa UTSB merupakan anak syarikat kepada plaintif. Defendan Pertama telah bersetuju untuk menerima tawaran kerana dikatakan terpaksa disebabkan oleh kegawatan ekonomi negara pada waktu itu dan dikatakan juga telah dimaklumkan, jika difikirkan tidak bersesuaian, boleh pada bila-bila masa memohon untuk diserapkan ke dalam syarikat plaintif (surat bertarikh 14 Februari 2007, ms 130, rekod rayuan). Ekoran daripada itu defendan pertama telah menghantar beberapa pucuk surat termasuk surat bertarikh 31 Mac 1999, 5 Ogos 1999, dan 7 Disember 1999 memohon untuk berkhidmat atau dipindahkan ke syarikat plaintif. Kedudukan ini sememangnya diniatkan sehinggakan dimasukkan dalam syarat 18 surat tawaran untuk berkhidmat dengan UTSB (ms 97, rekod rayuan). Jelasnya kedudukan ini ditunjukkan dalam surat defendan pertama bertarikh 7 Disember 1999 (ms 108, rekod rayuan) kepada pengurusan plaintif sepertimana yang berikut:

> Senior Vice President,
>
> Corporate Human Resource,
>
> Tingkat 19,
>
> Wisma Telekom Jalan Pantai Baru,
>
> 50672 Kuala Lumpur, 7th December 1999
>
> Dear Sir,
>
> Transfer From Multimedia University To Telekom Malaysia Berhad
>
> I would like to refer to our meeting at Hyatt Hotel Johor Bahru, end of March 1999 and accompanying letter of application a few days later with regards to a possibility of being absorbed to Telekom Malaysia Berhad.
>
> I was a Telekom Malaysia scholar and currently serving my contract for ten years with Telekom Malaysia through Multimedia University. I graduated with a second class honours upper division degree in Electronic and Electrical Engineering, majoring in communication from Loughborough University, United Kingdom. I was serving Multimedia University as an assistant lecturer teaching physics,

mathematics and computer application for foundation students. Recently I am doing administration work related to application of approval and accreditation of courses for Multimedia University.

I strongly feel that my full capabilities are not being optimized in Multimedia University and I have a lot to offer to the telecommunications industry. I am still patiently waiting for an offer from Telekom Malaysia Berhad for I feel strongly about Telekom Malaysia Berhad who made me who I am today.

I have been closely keeping in touch with the General Manager, En. Mustapha Nasir's office for some news and to date I am yet to receive some answers on the status of my application and I was told that the matter should be referred to you.

As such, I am hoping for your kind consideration and favourable words for my case and I promise that I would serve Telekom Berhad with diligence if the opportunity ever arise.

Yours Sincerely'

tt

Roslinda Abu Bakar

Surat ini dengan jelas terjumlah kepada pengakuan akan kedudukan sebenar kontrak yang dimasuki dan dilaksanakan antara mereka.

[11] Tindakan berikutnya mengesahkan lagi kedudukan ini. Peluang yang diharapkan oleh defendan pertama itu tidak timbul walaupun selepas itu beberapa pertemuan telah diadakan sehingga sampai ke tahap yang tidak lagi boleh diterima oleh defendan pertama di mana dia telah menghantar notis perletakan jawatan kepada UTSB pada sekitar Jun 2000 setelah dimaklumkan secara lisan permohonannya itu tidak dapat diluluskan (ms 133, rekod rayuan). Susulan daripada itu, pihak Sumber Manusia, Universiti Multimedia telah menghantar surat bertarikh 28 Jun 2000 kepada defendan pertama yang menyatakan, setakat berkaitan:

Dear Ms Roslinda,

NOTICE OF RESIGNATION

Your letter of 23 May 2000 refers.

1) As per your Scholarship Agreement with Telekom Malaysia duly executed on 16 September 1996, item 1(f) clearly states that "bahawa, ia apabila telah menyempurnakan kursus latihan itu dengan jayanya, jika dikehendaki oleh TELEKOM MALAYSIA dalam tempoh (6) bulan calendar, mulai dari tarikh sempurnanya kursus latihan tersebut itu atau dari tarikh ia kembali ke Malaysia selepas sempurnanya kursus latihan itu mengikut mana yang terkemudian, menerima apa-apa jawatan yang ditawarkan oleh TELEKOM MALAYSIA yang sesuai dengan kelayakan yang diperolehi oleh PELAJAR dan terus berkhidmat dalam pekerjaan itu bagi tempoh SEPULUH TAHUN.

2) …

Kindly take note that Telekom Malaysia Berhad, your sponsor, has assigned you to serve in Multimedia University under the terms of your scholarship agreement mentioned in (1) above. It is regrettable that you have resigned from University thereby violating your agreement.

I am writing this letter to inform you that your resignation is now forwarded to your sponsor for their further action.

Thank you.

Yours sincerely,

tt

NIK ZAITUN NIK SALLEH

Director of Human Resource

MULTIMEDIA UNIVERSITY

[12] Dengan keterangan di atas yang dikemukakan dengan jelas daripada afidavit-afidavit yang difailkan, penghujahan bahawa tawaran itu mesti dibuat oleh plaintif untuk defendan pertama berkhidmat hanya dalam perkhidmatan plaintif sahaja selaras dengan fasal 1(f) tersebut dinafikan oleh makna sebenar fasal 1(f) sepertimana dianalisa di atas yang disokong lanjut dengan tindakan dan pengakuan defendan pertama itu sendiri. Penghujahan selanjutnya yang didasarkan kepada saranan itu ternyata terkhilaf dan tersasar. Begitu juga dengan isu berkenaan dengan kesan dan akibat perbezaan antara biasiswa dengan pinjaman untuk tidak membolehkan pemakaian fasal 7(d). Seperti dinyatakan di atas, surat defendan pertama bertarikh 7 Disember 1999 (ms 108, rekod rayuan) memusnahkan semua penghujahan defendan mengenai isu fakta dan undang-undang yang dikatakan harus dibicarakan. Selaras dengan keputusan dalam kes *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors*, kes dalam rayuan ini lebih jelas menunjukkan adanya pengakuan berkenaan dengan defendan pertama sebagai pemegang biasiswa plaintif dan berkuatkuasanya fasal 1(f) dan (d) ekoran daripada kemungkiran perjanjian biasiswa yang telah dilaksanakan antara plaintif dengan defendan. Dalam hal ini, saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam plaintif yang terpelajar. Dengan itu, saya dapati tiadanya isu atau hal perkara yang seharusnya dibicarakan. Dan, setelah saya dapati plaintif telah mematuhi kehendak-kehendak A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, saya memutuskan hakim mahkamah sesyen telah membuat keputusan yang betul. Dengan itu, saya menolak rayuan defendan dengan kos.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum